

14/03/2000

Pejuang Aceh sedia runding dengan kerajaan

Johari Mohd in Jakarta

JAKARTA, Isnin - Gerakan Aceh Merdeka (GAM) bersedia untuk mengadakan rundingan dengan kerajaan Indonesia, kata Setiausaha Agungnya, Tengku Don Zulfahri.

Beliau berkata, kesediaan GAM berunding bagaimanapun bukan bermakna mereka menyerah kepada Tentera Nasional Indonesia (TNI), tetapi untuk memenuhi tuntutan masyarakat Aceh.

Katanya, masyarakat Aceh menyedari bahawa pertelagahan dengan TNI bukan caranya untuk menyelesaikan masalah.

"Oleh itu, perundingan dengan kerajaan perlu bagi menyelesaikan pelbagai masalah," katanya yang dipetik oleh Indonesian Observer dalam wawancara dengan stesen radio Nikoya FM, di Banda Aceh semalam.

Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur baru-baru ini menyatakan kesediaannya mengadakan rundingan dengan pemimpin GAM, termasuk Hasan Tiro, dalam konteks kedaulatan republik Indonesia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berkunjung ke Jakarta Khamis lalu berkata, Malaysia tidak mahu melihat Aceh berpisah dari Indonesia dan menambah, ia adalah masalah dalaman republik itu.

Zulfahri menegaskan, pihaknya bersedia mengadakan rundingan tanpa sebarang tekanan baik daripada TNI atau kerajaan Indonesia.

"Anggota GAM tidak akan menyerah kepada kerajaan Indonesia membuta tuli walaupun menyedari TNI sedang berusaha untuk mematahkan semangat kami dengan pelbagai dakwah," tegasnya.

Beliau menegaskan, sebarang penyelesaian masalah Aceh memerlukan rundingan antara pemimpin politik Indonesia dan pemimpin Aceh serta disaksikan wakil pertubuhan antarabangsa.

(END)